

## **DASAR PRIVASI ZUELLIG PHARMA**

Kemaskini terakhir: 13 Mei 2022

Dasar Privasi ini menetapkan cara pelbagai entiti dalam kumpulan Zuellig Pharma (senarai entiti kami yang tidak menyeluruh dinyatakan di Bahagian XIV Hubungi Kami di bawah) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Zuellig Pharma**”, “**kita**” atau “**kami**”) memproses data peribadi mengikut undang-undang perlindungan data yang terpakai kepada kami.

Dasar Privasi ini menggariskan amalan am kami berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan, penzahiran (dirujuk sebagai “**pemprosesan**”) dan pelindungan data peribadi yang anda berikan melalui laman web, aplikasi, platform, borang, produk, perkhidmatan, atau halaman media sosial atau sebaliknya (secara kolektif dirujuk sebagai “**Platform**”), atau apabila anda berkomunikasi dengan kami dan/atau ejen kami yang diberi kuasa melalui pelbagai media dan saluran komunikasi. Dasar Privasi ini juga menjelaskan hak anda dan pilihan yang tersedia untuk anda mengenai penggunaan, akses anda kepada, dan cara untuk mengemaskini dan memperbetulkan Data Peribadi anda. Apabila Platform kami menyimpang daripada Dasar Privasi ini atau terdapat perkara-perkara lain yang khusus, kami akan menggariskannya dalam suatu adendum khusus kepada Dasar Privasi ini. Rujukan kepada istilah “**Dasar Privasi**” di sini termasuk adendum tersebut.

Dalam Dasar Privasi ini, “**data peribadi**” secara amnya merujuk kepada sebarang maklumat yang boleh digunakan, secara langsung atau tidak langsung (contohnya, dalam kombinasi dengan jenis data lain yang kami mungkin mempunyai akses), untuk mengenal pasti individu (iaitu “**subjek data**”). Undang-undang perlindungan data tempatan mungkin mempunyai definisi yang berbeza tentang perkara ini, dan setakat definisi kami yang digunakan di sini bercanggah dengan undang-undang, definisi yang lebih ketat akan digunakan.

### **I. Pemprosesan Data Peribadi**

Semasa anda berurusan dengan kami, kami mungkin memproses data peribadi mengenai anda atau mana-mana orang lain untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini. Ini mungkin berlaku apabila anda secara sukarela memberikan data peribadi tersebut kepada kami, atau, jika perlu, kami menerima data peribadi tersebut daripada pihak ketiga atau daripada domain awam.

Dalam interaksi anda dengan kami atau melalui penggunaan Platform anda, kami mungkin memproses kategori data peribadi berikut, termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- maklumat hubungan peribadi, yang termasuk nama, alamat surat-menjurat, alamat e-mel, butiran rangkaian sosial, atau nombor telefon anda;
- data peribadi sensitif seperti maklumat yang berkaitan dengan kesihatan anda;
- maklumat log masuk akaun, yang termasuk ID log masuk akaun/alamat e-mel, nama skrin, kata laluan dalam bentuk yang tidak boleh dipulihkan dan/atau soalan dan jawapan keselamatan anda;
- maklumat hubungan perniagaan, yang termasuk pekerjaan, jawatan dan majikan anda;
- maklumat berkaitan dengan kewarganegaraan, kerakyatan, butiran kad pengenalan atau pasport anda;
- maklumat demografi dan minat, yang termasuk tarikh lahir, umur, jantina, lokasi geografi, produk dan perkhidmatan kegemaran, maklumat beli-belah dan maklumat isi rumah atau gaya hidup anda;
- maklumat transaksi dan kewangan, yang termasuk butiran akaun bank dan kad pembayaran, pembayaran kepada dan daripada anda, dan butiran lain produk dan perkhidmatan yang anda telah beli atau peroleh daripada kami;

- data teknikal, yang termasuk alamat protokol internet (IP), jenis sistem pengendalian, jenis dan versi pelayar web, maklumat peranti anda, dan maklumat yang dikumpul melalui penggunaan kuki;
- data penggunaan, yang merangkumi maklumat tentang cara anda menggunakan laman web, aplikasi, produk dan perkhidmatan kami;
- data pemasaran dan komunikasi, yang termasuk keutamaan anda untuk menerima bahan pemasaran daripada kami dan pihak ketiga kami serta pilihan komunikasi anda;
- gambar, rakaman audio dan visual anda yang diambil atau dirakam di premis kami dan/atau semasa acara kami;
- data geolokasi;
- perbualan anda dengan kami (sama ada melalui chat atau panggilan telefon secara peribadi), apabila anda berinteraksi dengan kami melalui saluran komunikasi kami; dan
- maklumat lain yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai atau seperti yang dimaklumkan kepada anda semasa berurus niaga dengan kami.

Melainkan dilarang oleh undang-undang yang terpakai, kami akan memaklumkan anda sebelum mengumpul data peribadi anda, dan mendapatkan kebenaran nyata anda jika kami perlu mengumpul data peribadi sensitif anda.

Oleh kerana ketepatan data peribadi anda bergantung pada maklumat yang anda berikan kepada kami, sila maklumkan kami secepat mungkin jika terdapat sebarang kesilapan atau jika terdapat perubahan pada data peribadi anda.

Jika anda memberikan kami data peribadi mengenai individu lain, anda menyatakan dan menjamin bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan telah bersetuju bahawa anda boleh:

- memberi kebenaran bagi pihak mereka untuk memproses data peribadi mereka;
- menerima sebarang notis perlindungan data bagi pihak mereka; dan
- menjamin bahawa anda telah mendapat kebenaran mereka, atau berhak untuk membenarkan kami memproses data peribadi mereka.

Secara amnya, oleh kerana Platform kami tidak disasarkan kepada individu bawah umur, kami tidak bersetuju untuk menerima sebarang data peribadi yang berkaitan dengan individu bawah umur. Sekiranya perkhidmatan khusus yang disediakan oleh kami memerlukan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi individu bawah umur, ini akan dinyatakan secara khusus dalam adendum yang sesuai kepada Dasar Privasi ini. Dalam kes sedemikian, kami menghendaki ibu bapa atau penjaga yang sah bagi individu bawah umur tersebut untuk membenarkan kami memproses data peribadi individu bawah umur mereka.

## **II. Sumber Data Peribadi**

Data Peribadi yang diproses oleh kami adalah diperolehi dari pelbagai sumber yang sah dan telus, termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- melalui akses atau penggunaan anda Platform kami;
- apabila anda mengambil bahagian dalam permintaan kami untuk cadangan atau sebut harga, mendaftar sebagai vendor dengan kami, dan/atau sebaliknya memberikan maklumat kepada kami semasa mengambil bahagian dalam proses perolehan kami;
- apabila anda mencipta suatu akaun dengan kami;
- apabila anda menyemak imbas, memesan, membeli atau melanggan produk dan/atau perkhidmatan kami;

- apabila anda memohon untuk mengambil bahagian dan/atau mengambil bahagian dalam sokongan pesakit, sokongan penjagaan kesihatan, penglibatan pesakit dan program maklumat preskripsi kami;
- sebarang e-mel atau surat-menurut yang kami terima daripada anda;
- apabila anda berkomunikasi dengan kami dan/atau ejen kami yang diberi kuasa melalui pelbagai media dan saluran komunikasi, dan sebarang interaksi langsung dan tidak langsung dengan kami;
- apabila melengkapkan sebarang permohonan atau borang untuk tujuan transaksi atau lain-lain;
- apabila anda menyertai sebarang acara, cabutan hadiah atau pertandingan yang dianjurkan oleh kami atau secara tidak langsung melalui pihak ketiga;
- apabila melengkapkan sebarang tinjauan yang kami hantar kepada anda untuk tujuan penyelidikan;
- video atau rakaman acara dan/atau aktiviti di premis kami;
- data daripada sumber terbuka yang kami kumpulkan mengikut undang-undang yang terpakai;
- iaitu data yang diterbitkan oleh anda, profil media sosial, direktori, papan tanda;
- data yang kami perolehi secara sah daripada pihak ketiga yang diberi kuasa, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, agensi pelaporan kredit, agensi kawal selia dan penguatkuasaan, pembekal penjagaan kesihatan, dan entiti kerajaan atau entiti berkaitan kerajaan yang lain;
- syarikat berkaitan dan/atau bersekutu, rakan kongsi perniagaan, kontraktor, penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan rakan kongsi perniagaan kami;
- pembekal perkhidmatan pemasaran atau rakan kongsi; dan
- senarai mel.

### **III. Asas Sah dan Tujuan Pemprosesan Data Peribadi**

Kami mesti mempunyai asas yang sah untuk memproses data peribadi anda. Kami biasanya bergantung pada sekurang-kurangnya satu daripada asas-asas yang sah ini untuk berbuat demikian:

- apabila kami mempunyai kebenaran subjek data untuk tujuan yang dizahirkan;
- apabila pemprosesan adalah diperlukan dan berkaitan dengan pemenuhan kontrak dengan subjek data atau untuk mengambil langkah atas permintaan subjek data sebelum menandatangani kontrak;
- apabila pemprosesan adalah diperlukan untuk mematuhi kewajipan undang-undang yang mana kami tertakluk kepadanya;
- apabila pemprosesan adalah diperlukan untuk melindungi kepentingan yang sangat penting bagi subjek data, termasuk kehidupan dan kesihatan;
- apabila pemprosesan adalah diperlukan untuk bertindak balas terhadap kecemasan negara, untuk mematuhi keperluan ketenteraman dan keselamatan awam; atau
- apabila pemprosesan adalah diperlukan untuk tujuan kepentingan sah yang diusahakan oleh kami, pihak ketiga atau pihak yang mana data dizahirkan, kecuali apabila kepentingan tersebut ditindih oleh hak asasi dan kebebasan subjek data yang memerlukan perlindungan di bawah undang-undang tempatan.

Kami biasanya bergantung pada kebenaran untuk memproses data peribadi. Selain itu, jadual di bawah meringkaskan beberapa tujuan biasa yang kami mungkin memproses data peribadi dan asas undang-undang kami untuk berbuat demikian:

Tujuan	Asas undang-undang
<ul style="list-style-type: none"><li>• Untuk mencipta dan mentadbir akaun anda (jika berkenaan)</li></ul>	Yang mana diperlukan untuk melaksanakan kontrak kami dengan anda

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk membolehkan anda mengakses atau menggunakan Platform</li> <li>• Untuk memberikan anda produk dan perkhidmatan kami, termasuk memproses pesanan anda</li> <li>• Untuk menyediakan sokongan pesakit, perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan, penglibatan pesakit dan maklumat preskripsi, termasuk untuk menyediakan, mengurus dan mentadbir sokongan pesakit dan program penjagaan rumah</li> <li>• Untuk memberikan anda diskaun, bonus, rebat dan seumpamanya untuk pesanan dan pembelian anda</li> <li>• Untuk menyediakan sokongan untuk produk dan perkhidmatan kami</li> <li>• Untuk menghubungi dan berkomunikasi dengan anda, termasuk untuk membalas permintaan dan pertanyaan anda, dan untuk memberikan anda kemas kini status pada pesanan anda</li> <li>• Untuk menyampaikan maklumat, notis dan kemas kini</li> <li>• Untuk memenuhi sebarang permintaan lain yang anda mungkin telah serahkan kepada kami</li> </ul>	<p>Yang mana diperlukan untuk mematuhi kewajipan undang-undang</p> <p>Yang mana ia adalah kepentingan sah kami untuk memastikan perkhidmatan yang diminta daripada kami disampaikan dengan berkesan dan sewajarnya</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk menangani sebarang isu keselamatan produk atau aduan produk, dan untuk menghubungi dan berkomunikasi dengan anda berhubung dengan perkara yang sama</li> <li>• Untuk menjalankan aktiviti pemulihan</li> <li>• Untuk menyelesaikan pertikaian atau untuk menyiasat sebarang aduan yang anda buat atau yang dibuat terhadap anda</li> </ul>	<p>Yang mana diperlukan untuk mematuhi kewajipan undang-undang</p> <p>Yang mana ia adalah kepentingan sah kami untuk memastikan aduan disiasat dan diselesaikan dengan sewajarnya</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk membuat laporan kejadian buruk dan keselamatan berkenaan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan</li> <li>• Untuk meningkatkan penjagaan dan keselamatan pesakit berkaitan dengan penggunaan ubat-ubatan dan semua campur tangan perubatan dan paramedik</li> <li>• Untuk meningkatkan kesihatan dan keselamatan awam berkaitan dengan penggunaan ubat-ubatan</li> <li>• Untuk mengesan masalah yang berkaitan dengan penggunaan ubat-ubatan dan menyampaikan penemuannya tepat pada masanya</li> </ul>	<p>Yang mana diperlukan untuk mematuhi kewajipan undang-undang</p> <p>Yang mana ia adalah kepentingan sah kami untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) memastikan farmakovigilans dilakukan; dan/atau</li> <li>(b) menggalakkan kesihatan dan keselamatan awam.</li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menggalakkan penggunaan ubat-ubatan yang selamat, rasional dan lebih berkesan</li> <li>Untuk menggalakkan pemahaman, pendidikan dan latihan klinikal dalam farmakovigilans dan komunikasi berkesan kepada orang awam</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk memproses invois dan pembayaran</li> <li>Untuk menjalankan usaha wajar terhadap pihak ketiga yang berurusan dengan kami, seperti vendor dan rakan kongsi perniagaan</li> <li>Untuk fungsi dalaman seperti pelaporan, dan audit dan pengurusan risiko</li> <li>Untuk mengekalkan operasi atau sistem pengurusan perhubungan pelanggan kami</li> <li>Untuk mengekalkan dan pemeliharaan rekod dan pembangunan pelanggan atau syarikat dalam perjalanan biasa perniagaan</li> <li>Untuk penyimpanan rekod dalaman kami</li> <li>Untuk penyediaan dan pelaksanaan semua dokumen, perjanjian dan/atau kontrak yang diperlukan</li> <li>Untuk operasi am dan penyelenggaraan Platform</li> </ul>	<p>Yang mana diperlukan untuk mematuhi kewajipan undang-undang</p> <p>Yang mana ia adalah kepentingan sah kami untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) memastikan kelancaran operasi perniagaan kami; dan/atau</li> <li>(b) menyimpan rekod perniagaan kami yang tepat</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk membangunkan dan menambah baik penawaran produk dan perkhidmatan kami dengan menganalisis dan menilai maklumat yang kami mempunyai akses, seperti dengan menjalankan analisis data dan penyelidikan pasaran</li> <li>Untuk membangunkan, menunjukkan, mengukur dan menjelaskan pengiklanan (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kandungan, tinjauan, dan promosi Platform atau produk dan perkhidmatan kami, anak syarikat kami, syarikat berkaitan dan/atau bersekutu, rakan kongsi perniagaan dan lain-lain pihak ketiga), dan untuk mengumpul maklumat tentang anda dan cara anda berinteraksi dengannya semasa anda menggunakan Platform</li> </ul>	<p>Yang mana ia adalah demi kepentingan sah kami untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) membangunkan penawaran produk atau perkhidmatan baharu untuk memenuhi keperluan pelanggan kami; dan</li> <li>(b) meningkatkan pengalaman pengguna apabila menggunakan produk dan tawaran perkhidmatan kami, termasuk Platform</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk melaksanakan dan/atau memudahkan kawalan risiko dan penipuan serta pemprosesan pembayaran</li> <li>Untuk mencegah, mengesan, atau menyiasat sebarang kemungkinan pelanggaran, aktiviti haram atau kandungan terlarang pada Platform</li> </ul>	<p>Yang mana diperlukan untuk mematuhi kewajipan undang-undang</p> <p>Yang mana ia adalah demi kepentingan sah kami untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mencegah dan menyiasat pertikaian undang-undang, kemungkinan</li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menguatkuaskan dan melaksanakan hak yang dinyatakan dalam Polisi Privasi ini atau mana-mana kontrak</li> <li>Untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau kawal selia yang berkaitan dengan semua urus niaga komersial, pengendalian perniagaan atau aktiviti kami atau penyediaan produk dan/atau perkhidmatan kami, dan untuk membuat penzahiran di bawah keperluan mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil (“<i>by law</i>”), garis panduan, pekeliling atau kod yang terpakai kepada kami atau mana-mana ahli kumpulan syarikat kami dari semasa ke semasa</li> <li>Untuk bekerjasama dengan pengawal selia dan badan penguatkuasa undang-undang</li> </ul>	<p>pelanggaran, aktiviti haram atau kandungan terlarang;</p> <p>(b) menguatkuaskan hak kontrak; dan</p> <p>(c) bekerjasama dengan pengawal selia dan badan penguatkuasa undang-undang</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk memudahkan pengendalian proses usaha wajar atau pemindahan aset sebenar sekiranya terdapat pemindahan perniagaan berpotensi, yang dicadangkan atau sebenar, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, penjualan perniagaan, pelupusan, pemerolehan, penggabungan, “<i>spin-off</i>”, usaha sama, penyerahan hak, penyusunan semula perniagaan, aset atau saham Zuellig Pharma atau transaksi yang serupa</li> </ul>	<p>Yang mana diperlukan untuk mematuhi kewajipan undang-undang</p> <p>Yang mana ia adalah kepentingan sah kami untuk menjalankan sebarang penstrukturans semula korporat untuk pertumbuhan atau pengoptimuman perniagaan kami</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menghantar maklumat atau jemputan kepada anda ke acara, seminar, persidangan, inisiatif dan promosi dan ceramah yang mungkin menarik minat anda</li> <li>Untuk mengatur dan mengurus acara dan kongres profesional, termasuk penyertaan anda dalam acara tersebut</li> <li>Untuk mempromosikan dan menyampaikan berita dan maklumat tentang Platform, produk dan perkhidmatan kami, anak syarikat kami, syarikat berkaitan dan/atau bersekutu, rakan kongsi perniagaan dan pihak ketiga yang lain, dan komunikasi sedemikian mungkin dimulakan daripada kami atau melalui pihak ketiga</li> <li>Untuk menyampaikan pengiklanan tingkah laku dalam talian (contohnya, untuk menunjukkan kepada anda iklan dalam talian untuk produk dan/atau perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda</li> </ul>	<p>Yang mana ia adalah demi kepentingan sah kami, dan tertakluk kepada mendapatkan kebenaran anda apabila dikehendaki di bawah undang-undang yang terpakai, untuk memberikan anda maklumat pemasaran yang mungkin menarik minat anda</p>

berdasarkan tingkah laku anda sebelum ini, dan untuk menunjukkan kepada anda iklan dan kandungan pada platform media sosial)	
--	--

#### **IV. Akibat Penolakan atau Kegagalan untuk Memberikan Data Peribadi**

Kecuali dinyatakan sebaliknya, data peribadi yang diberikan kepada kami adalah diberi secara sukarela sepenuhnya dan anda tidak berkewajipan atau dipaksa untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, dalam beberapa keadaan jika anda tidak memberikan kami data peribadi anda yang dijelaskan dalam Dasar Privasi ini, kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang akibat yang timbul daripadanya. Ini termasuk:

- ketidakmampuan untuk kami menyediakan produk dan/atau perkhidmatan yang anda minta, sama ada dengan standard yang sama, atau sama sekali;
- ketidakmampuan untuk mendaftarkan anda ke program(-program) pesakit yang berkaitan;
- ketidakmampuan untuk kami menyediakan anda dengan maklumat mengenai produk dan/atau perkhidmatan yang anda mungkin mahukan, termasuk maklumat tentang diskaun atau promosi khas, atau produk dan/atau perkhidmatan baharu kami;
- ketidakmampuan untuk kami menyesuaikan kandungan Platform mengikut pilihan anda dan pengalaman anda menggunakan Platform mungkin tidak menyenangkan atau bermanfaat;
- ketidakmampuan untuk melengkapkan transaksi komersial berkenaan dengan anda; dan
- ketidakmampuan untuk mematuhi sebarang undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan dan/atau kod yang terpakai kepada kami.

#### **V. Penzahiran Data Peribadi**

Untuk membolehkan kami memenuhi tujuan-tujuan yang disenaraikan di atas, kami mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak berikut, termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- pelbagai entiti dalam kumpulan syarikat kami (termasuk syarikat yang diperbadankan pada masa hadapan), pemegang lesen, atau rakan kongsi perniagaan, termasuk (jika berkenaan) kakitangan yang diberi kuasa daripada penaja untuk program pesakit yang anda daftarkan;
- pekerja, ejen, wakil, perkongsian, entiti usaha sama, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga, subkontraktor kami, atau pihak-pihak lain yang dianggap perlu oleh kami untuk memudahkan urusan anda dengan kami;
- pembekal, pengilang, dan rakan pakatan perniagaan bagi produk dan/atau perkhidmatan kami;
- pemegang kebenaran pemasaran produk dan/atau perkhidmatan kami yang berkaitan;
- pihak yang kami mempunyai kewajipan untuk melaporkan isu keselamatan atau aduan produk;
- penasihat profesional kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada peguam, akauntan, juruaudit, dan penasihat kewangan atau profesional lain yang dilantik berkaitan dengan perniagaan kami;
- mana-mana orang, pihak berkuasa kerajaan, pihak berkuasa berkanun, pengawal selia industri atau pihak ketiga lain yang berkaitan yang kami terpaksa atau dikehendaki berbuat demikian menurut mana-mana undang-undang, atau jika kami mempunyai kepercayaan suci hati bahawa penzahiran sedemikian adalah perlu untuk melindungi dan/atau mempertahankan hak dan kepentingan kami atau berkaitan dengan penyiasatan penipuan, pelanggaran, cetak rompak, pengelakan dan pelarian cukai atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang;
- pemeroleh berpotensi dan pihak berkepentingan lain sekiranya berlaku pemindahan perniagaan yang berpotensi, dicadangkan atau sebenar, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, penjualan perniagaan, pelupusan, pemerolehan, penggabungan, *spin-off*, usaha sama,

- penyerahan hak, penyusunan semula perniagaan Zuellig Pharma, aset atau saham atau transaksi yang serupa; dan
- mana-mana pihak lain yang diminta atau diberi kuasa oleh anda untuk tujuan di atas atau sebarang tujuan lain yang mana data peribadi anda akan dizahirkan pada masa pengumpulannya atau sebarang tujuan lain yang berkaitan secara langsung dengan mana-mana tujuan di atas.

Pihak-pihak ketiga adalah ditugaskan secara sah untuk memproses data peribadi selaras dengan prinsip-prinsip yang ditentukan oleh kami. Pihak-pihak ketiga juga bertanggungjawab secara sah untuk mengamankan data peribadi pada suatu tahap keselamatan yang sesuai sehubungan dengan undang-undang perlindungan data yang terpakai dan piawaian industri diterima secara meluas.

## **VI. Perlindungan Data Peribadi**

Kami memastikan bahawa semua kewajipan kerahsiaan yang sesuai dan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi dilaksanakan untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan data peribadi anda yang dikumpulkan melalui pelbagai kaedah yang dijelaskan dalam Dasar Privasi ini untuk mengelakkan sebarang akses tanpa izin, pemindaan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang, penzahiran atau pemprosesan maklumat dan data sedemikian, dan kehilangan atau kemusnahan yang tidak sengaja atau kerosakan maklumat dan data sedemikian.

Beberapa langkah keselamatan yang kami laksanakan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- menyimpan data peribadi anda dalam sistem-sistem yang dilindungi oleh rangkaian-rangkaian selamat;
- melaksanakan kawalan akses berdasarkan peranan untuk mengehadkan akses kepada data peribadi tersebut hanya kepada pekerja yang mempunyai keperluan untuk mengetahui maklumat ini untuk tujuan melaksanakan tugas rasmi mereka, dan pihak ketiga yang diberi kuasa yang terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda selamat;
- memantau sistem-sistem kami secara berkala untuk kelemahan dan serangan yang berkemungkinan, dan mengkaji semula secara berkala amalan pengumpulan, penyimpanan dan pemprosesan maklumat kami untuk mengemaskini langkah-langkah keselamatan fizikal, teknikal dan organisasi kami; dan
- mengesahkan identiti suatu peminta sebelum mereka boleh mengakses atau mengubah suai data peribadi yang mereka mempunyai akses atau hak pengubahaan yang sah.

Pematuhan terhadap peruntukan ini diperlukan oleh semua pihak ketiga yang diberi kuasa yang mungkin mengakses data peribadi seperti yang dijelaskan di atas.

## **VII. Hak Anda**

Bergantung pada undang-undang perlindungan data di negara yang anda tinggal, berkenaan dengan data peribadi yang anda telah berikan kepada kami, anda berhak pada bila-bila masa untuk:

- meminta akses kepada data peribadi anda dalam rekod kami;
- meminta membuat pembetulan data peribadi anda dalam rekod kami jika maklumat tersebut tidak tepat, mengelirukan, tidak terkini atau tidak lengkap atas pengesahan maklumat baru yang diberikan;
- meminta menghentikan pemprosesan data peribadi anda untuk tujuan pemasaran;
- membantah pemprosesan data peribadi anda, meminta untuk menyekat atau mengehadkan pemprosesan data peribadi anda, atau meminta kemudahan data peribadi anda;

- menarik balik kebenaran anda untuk kami meneruskan pemprosesan data peribadi anda; dan
- membuat suatu pertanyaan atau aduan kepada pihak berkuasa perlindungan data peribadi yang berkaitan mengenai pengumpulan dan penggunaan data peribadi anda oleh kami.

Jika anda ingin melaksanakan mana-mana hak yang disebutkan di atas dan hak tersebut diiktiraf di negara anda, sila tulis kepada kami menggunakan maklumat hubungan yang terdapat di Bahagian XIV (Hubungi Kami) di bawah. Berkennaan dengan permintaan untuk akses kepada atau untuk membuat pembetulan data peribadi anda dalam rekod kami, permintaan tersebut mesti disokong dengan penyerahan dokumen berkaitan yang mungkin diperlukan oleh kami. Bergantung pada jenis dan sensitiviti permintaan, kami mungkin memerlukan anda menyerahkan dokumen ini secara peribadi untuk mengesahkan identiti anda dari semasa ke semasa ke alamat yang terdapat di Bahagian XIV (Hubungi Kami) di bawah. Kami hanya akan membuat pembetulan yang sesuai berdasarkan maklumat yang boleh disahkan/pengesahan dan maklumat terkini yang diberikan oleh anda. Permintaan anda juga mungkin tertakluk kepada pembayaran yuran mengikut keperluan undang-undang yang terpakai.

Berkennaan dengan penarikan balik kebenaran, anda boleh menarik balik, sepenuhnya atau sebahagian, kebenaran anda yang diberikan kepada kami.

Anda boleh meminta pemadaman data peribadi anda oleh kami, dan kami akan menggunakan usaha yang munasabah secara komersial untuk memenuhi permintaan anda. Walau bagaimanapun, harap maklum bahawa kami mungkin dikehendaki untuk menyimpan maklumat tersebut dan tidak memadamnya untuk tempoh masa yang diperlukan oleh undang-undang atau untuk memenuhi kewajipan undang-undang kami. Apabila kami memadam sebarang maklumat, maklumat tersebut akan dipadamkan dari pangkalan data aktif tetapi ia mungkin kekal dalam arkib kami. Kami juga mungkin menyimpan maklumat anda untuk pencegahan dan pengesahan penipuan atau tujuan-tujuan yang serupa.

Pelaksanaan mana-mana hak atau penarikan balik kebenaran yang disebut di atas oleh anda adalah, dalam setiap kes, tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang terpakai, syarat-syarat kontrak, dan suatu tempoh masa yang munasabah. Ini mungkin juga tertakluk kepada sama ada ia akan menjelaskan operasi perniagaan kami dan keupayaan kami untuk memenuhi kewajipan undang-undang kami.

Kami mungkin juga, menurut undang-undang perlindungan data yang terpakai kepada kami, menolak untuk mematuhi permintaan anda. Jika kami menolak untuk mematuhi permintaan tersebut, kami akan memaklumkan anda mengenai penolakan dan alasan penolakan kami.

### **VIII. Penyimpanan Data Peribadi**

Data peribadi yang anda berikan kepada kami hanya akan disimpan selama yang diperlukan untuk tujuan di mana ia dikumpulkan atau sebagimana yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Walaupun sistem kami direka untuk menjalankan proses pemadaman data mengikut garis panduan di atas, kami tidak dapat berjanji bahawa semua data akan dipadamkan dalam tempoh masa tertentu kerana kekangan teknikal. Apabila kami tidak lagi perlu menggunakan data peribadi anda, data tersebut dikeluarkan dari sistem dan rekod kami atau dianonimkan supaya anda tidak lagi boleh dikenal pasti lagi daripadanya.

## **IX. Pemindahan Antarabangsa Data Peribadi**

Untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin memindahkan data peribadi anda kepada sekutu dan pekerja kami yang diberi kuasa, ejen dan pihak ketiga dalam bidang kuasa di mana kami beroperasi atau di mana kami menganggapnya sesuai atau wajar (melainkan undang-undang yang terpakai memperuntukkan sebaliknya) untuk tujuan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini. Khususnya, kami mungkin memindahkan data peribadi anda kepada sekutu(-sekutu) luar negara kami di mana kemudahan dan pelayan penyimpanan teknologi maklumat kami mungkin berada. Terdapat kemungkinan bahawa tahap perlindungan data di bidang kuasa lain tidak memenuhi sepenuhnya keperluan undang-undang perlindungan data di negara di tempat anda tinggal, tetapi semua pemindahan tersebut dilakukan selaras dengan keperluan undang-undang yang terpakai.

## **X. Pautan ke Laman-laman Web atau Aplikasi Mudah Alih Lain**

Platform mungkin mengandungi pautan ke dan dari laman web dan aplikasi rangkaian rakan kongsi kami, pengiklan, penaja program pesakit dan/atau pihak ketiga yang lain. Jika anda mengklik pada pautan ke mana-mana laman web atau aplikasi ini, anda akan meninggalkan Platform dan dibawakan ke laman web atau aplikasi yang anda pilih. Oleh kerana kami tidak dapat mengawal aktiviti pihak ketiga, kami tidak boleh bertanggungjawab untuk sebarang penggunaan data peribadi anda oleh pihak ketiga tersebut, dan kami tidak dapat menjamin bahawa mereka akan mematuhi amalan privasi yang sama seperti kami. Kami menggalakkan anda menyemak dasar privasi laman web atau aplikasi tersebut sebelum memberikan sebarang data peribadi.

Kami juga mungkin menawarkan anda peluang untuk menggunakan log masuk media sosial anda. Jika anda berbuat demikian, harap maklum bahawa anda berkongsi maklumat profil anda dengan kami bergantung pada tetapan platform media sosial anda. Kami menggalakkan anda untuk melawati platform media sosial yang berkenaan dan menyemak dasar privasinya untuk memahami cara data peribadi anda dikongsi dan digunakan dalam konteks ini.

## **XI. Pemasaran dan Promosi**

Kami mungkin menggunakan data peribadi anda untuk memasarkan produk, perkhidmatan, acara, seminar, persidangan, inisiatif, dan promosi dan ceramah kami (iaitu, dari anak syarikat, syarikat berkaitan dan/atau bersekutu kami), rakan kongsi perniagaan, penaja dan/atau pengiklan kami. Kami mungkin menyampaikan pemasaran sedemikian kepada anda melalui pos, panggilan telefon, emel, perkhidmatan mesej ringkas (SMS), media sosial dan/atau mana-mana saluran komunikasi lain yang sesuai, bergantung pada perkara yang anda telah bersetuju dengan kami. Jika anda ingin menghentikan langganan pemprosesan data peribadi anda untuk pemasaran dan promosi, anda boleh klik pautan "*Unsubscribe*" dalam emel atau mesej yang berkenaan. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami menerusi maklumat di Bahagian XIV (Hubungi Kami) di bawah. Harap dimaklumkan bahawa setelah kami menerima permintaan anda untuk menghentikan langganan, ia mungkin mengambil masa hingga empat belas (14) hari bekerja untuk memproses permintaan anda dan dicerminkan dalam sistem kami. Oleh itu, anda mungkin masih akan menerima komunikasi pemasaran dalam tempoh masa tersebut. Sila ambil maklum juga bahawa, walaupun anda menarik diri daripada menerima komunikasi pemasaran, anda masih boleh menerima komunikasi pentadbiran daripada kami, seperti pesanan atau pengesahan transaksi yang lain, dan pengumuman penting lain yang mana bukan berkaitan dengan pemasaran.

**XII. Bahasa**

Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi bahasa tempatan Dasar Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

**XIII. Pindaan kepada Dasar Privasi**

Zuellig Pharma berhak untuk mengubah suai, mengemas kini dan/atau meminda Polisi Privasi ini pada bila-bila masa. Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan pindaan kepada Dasar Privasi ini disampaikan dengan menyiarkan semua pindaan dengan jelas pada Platform dan tempat lain yang kami menganggapnya sesuai untuk suatu tempoh masa yang munasabah. Pindaan kepada Dasar Privasi ini akan berkuat kuasa serta-merta setelah diterbitkan di mana-mana Platform kecuali dinyatakan sebaliknya. Kami menjemput anda untuk menyemak Dasar Privasi ini secara berkala untuk dimaklumkan mengenai sebarang pindaan yang berkaitan dengannya, terutamanya sebelum memberikan sebarang maklumat kepada kami. Akses atau penggunaan berterusan anda terhadap Platform dan/atau memberikan data peribadi anda kepada kami, berikut sebarang pindaan kepada Dasar Privasi ini, menunjukkan kebenaran anda terhadap amalan yang diterangkan dalam Dasar Privasi yang disemak semula. Jika anda tidak bersetuju, anda harus segera menghentikan penggunaan Platform anda, berhenti memberikan kepada kami sebarang data peribadi anda dan memaklumkan kami secara bertulis mengikut cara yang diterangkan di Bahagian-bahagian VII (Hak Anda) dan XIV (Hubungi Kami).

**XIV. Hubungi Kami**

Untuk rujukan anda, pengawal data yang disenaraikan dalam jadual di bawah berfungsi sebagai pengawal data utama kami di negara kami aktif, walaupun ini mungkin berubah berdasarkan perkhidmatan yang anda gunakan. Jika anda mempunyai sebarang maklum balas atau pertanyaan mengenai Dasar Privasi ini dan cara kami mengendalikan Data Peribadi anda, atau anda ingin menggunakan mana-mana hak anda di atas, anda akan diarahkan ke pengawal data yang berkenaan di negara anda berikut penerimaan pertanyaan anda di negara anda melalui halaman "Hubungi Kami" di tapak web kami.

Negara	Pengawal Data
Brunei	Zuellig Pharma (B) Sdn Bhd Unit 5, Lot 29996, Simpang 607, Kg Beribi, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE1118, Brunei Darussalam
Cambodia	Zuellig Pharma Ltd #266 St. Lum Group 4, Phum Ruong, Chak Sankat Phnom Penh Thmey, Phnom Penh, Cambodia
Hong Kong	Zuellig Pharma Limited Suite 608, 6/F., Devon House, Taikoo Place, Quarry Bay, Hong Kong
India	Zuellig Pharma Specialty Solutions (India) Private Limited 35 Chandidali, Off Saki Vihar Road,

Regional Privacy Policy (Translation for Malaysia)

	Andheri (E), Mumbai, 400072
Indonesia	PT Anugerah Pharmindo Lestari Gedung Graha Atrium, 12th Floor, Jl. Senen Raya No. 135, Jakarta 10410, Indonesia
Macau	Agencia Lei Va Hong Lda. Rua Doca Dos Holandeses 75, Ind. Chong Fong, Fase A, 14/F, A/B
Malaysia	Zuellig Pharma Sdn Bhd No. 15 Persiaran Pasak Bumi, Seksyen U8, Perindustrian Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Myanmar	Zuellig Pharma Services Ltd. Room 203, Building C, University Avenue Condo, New University Avenue Road, Bahan Township, Yangon, Myanmar, 11201
Philippines	Zuellig Pharma Corporation Km. 14 West Service Road South Superhighway Cor Edison St. BRGY Sunvalley, Paranaque City, Philippines  Interpharma Solutions Philippines, Inc. Km. 14 West Service Road South Superhighway cor Edison Ave. Brgy. Sun Valley, Paranaque City, Philippines  Metro Drug Inc. Sta. Rosa Estate, Brgy. Macabiling, Sta. Rosa, Laguna, Philippines
Singapore	Zuellig Pharma Pte Ltd / Zuellig Pharma Specialty Solutions Group Pte Ltd 15 Changi North Way #01-01 Singapore 498770
South Korea	Zuellig Pharma Korea Ltd. 3F, LS Yongsan Tower, 92 Hangangdaero, Yongsan-gu, Seoul, Korea

Regional Privacy Policy (Translation for Malaysia)

Taiwan	Zuellig Pharma Inc. 10F, 126 Nanking E. RD. SEC 4, Taipei, Taiwan
Thailand	Zuellig Pharma Limited 8-9/F Ploenchit Center, 2 Sukhumvit Rd., Kwaeng Klongtoey, Khet Klongtoey, Bangkok 10110
Vietnam	Zuellig Pharma Viet Nam Ltd Lot B3, Industrial Road #4 Street, SaiDong B Industrial Zone, Long Bien Dist., Ha Noi, Viet Nam